

KENYATAAN MEDIA

YB BARU BIAN MENGETUAI DELEGASI MALAYSIA KE 26TH WORLD ROAD CONGRESS DI ABU DHABI, EMIRIAH ARAB BERSATU.

YB Baru Bian, Menteri Kerja Raya Malaysia telah mengetuai delegasi Malaysia ke 26th World Road Congress yang berlangsung dari 6 hingga 10 Oktober 2019 di Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu. Program ini merupakan anjuran bersama World Road Association (PIARC) dan Jabatan Pengangkutan Abu Dhabi. Program ini turut disertai oleh delegasi daripada 144 negara dan sekurang-kurangnya 40 orang menteri turut menghadirinya.

YB Baru Bian turut menyertai Sesi Bersama Menteri yang bertajuk *Artificial Intelligence For Future Road Development* di mana beliau berkongsi tiga trend semasa yang semakin meningkat di Malaysia iaitu pergerakan kenderaan yang tinggi, peningkatan dalam pemilikan kenderaan dan peningkatan dalam perkongsian kenderaan. Kajian telah menunjukkan kekerapan rakyat Malaysia memperuntukan masa perjalanan setiap hari cenderung untuk meningkat daripada 40 kali perjalanan setiap hari pada tahun 2010 kepada anggaran 131 kali perjalanan setiap hari pada tahun 2030. Selain itu juga anggaran pemilikan kenderaan juga dijangka meningkat dari 25 kali pemilikan pada tahun 2015 kepada 31 kali pemilikan pada tahun 2030 seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan peningkatan pengguna yang berkongsi kenderaan.

Kesan daripada kesemua peningkatan ini akan menyebabkan penggunaan infrastruktur sedia ada semakin tinggi. Walau bagaimanapun, pembinaan jalan raya baharu bukanlah satu-satunya jalan penyelesaian kepada masalah ini, sebaliknya melalui perkongsian maklumat dan pembelajaran dari negara-negara yang mempunyai teknologi yang lebih tinggi, penggunaan teknologi Artificial Intelligence (AI) dilihat dapat membantu menangani permasalahan ini. Sesi ini juga turut mengetengahkan pelbagai peluang dan kaedah penggunaan AI dalam proses pembangunan jalan dan infrastruktur.

Malaysia sedang bergerak ke arah penggunaan teknologi AI. Teknologi yang akan digunakan nanti haruslah mempunyai gangguan yang minimum kepada infrastruktur sedia ada, keupayaan untuk bertahan dalam persekitaran cuaca tempatan dan kos efektif. Kementerian Kerja Raya melalui polisi Pengangkutan Nasional, polisi Pembangunan Jalan Raya dan Sistem Pengangkutan Pintar Malaysia (Intelligent Transport System, ITS) dilihat dapat mengguna pakai teknologi ini bagi mencapai

-1/2-

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

keupayaan pengangkutan pintar yang lancar, pembangunan infrastruktur bebas kesesakan, peningkatan tahap keselamatan serta pengoperasian kenderaan komersial yang lebih cekap. ITS dijangka akan beroperasi secara sepenuhnya pada tahun 2023.

Sebagai langkah permulaan, Malaysia kan mewujudkan Sistem Kawalan Trafik dan sistem Multi Lane Free Flow (MLFF) bagi mengurangkan kesesakan lalulintas dan menggalakkan penggunaan sistem pegangkutan awam. Selain itu juga, penggunaan *Weigh In-Motion* (WIM) akan turut diperkenalkan oleh kerajaan bagi menghalang dan mengesan kenderaan-kenderaan berat yang lebih muatan daripada menggunakan jalanraya agar kondisi dan keadaan jalan raya dapat dipelihara.

Bersempena dengan kongres ini juga, YB Baru Bian turut melawat dan merasmikan Pavilion Malaysia di Abu Dhabi National Exhibition Centre (ADNEC). Pameran ini turut memaparkan pelbagai industri pembinaan daripada Malaysia antaranya dalam bidang perundingan, penyelenggaraan dan pembangunan.

Sepanjang berlangsungnya kongres lima hari ini, YB Baru Bian juga terlibat dalam pelbagai lawatan teknikal dan mesyuarat dua hala. Kongres pada kali ini turut membincangkan Sistem Pengangkutan Pintar, Perubahan Iklim Industri, Penggunaan Building Information Modelling (BIM) untuk Lebuhraya, Kegagalan Infrastruktur Luar Jangka, Sistem *Automated Vehicles* dan Pembiayaan Inovatif.

-Tamat-

KEMENTERIAN KERJA RAYA

10 OKTOBER 2019

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

: 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my